



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

MEREALISASIKAN ASPIRASI ANAK MUDA, MEMBINA KELUARGA MASA HADAPAN

KUALA LUMPUR, 11 JULAI 2026 – Sambutan Hari Penduduk Sedunia disambut pada 11 Julai setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu kependudukan, pembangunan keluarga, kesihatan reproduktif dan pembangunan mampan. Tema sambutan pada tahun ini, “Merealisasikan Harapan dan Aspirasi Golongan Muda: Hari Ini dan Masa Hadapan”, memberi penekanan kepada peranan anak muda sebagai generasi penentu masa depan negara.

Malaysia kini sedang melalui perubahan demografi yang semakin ketara, termasuk penurunan kadar kesuburan, peningkatan umur perkahwinan, perubahan struktur keluarga serta pertambahan bilangan penduduk berusia. Aspirasi golongan muda untuk membina kehidupan dan keluarga masa hadapan perlu difahami secara lebih menyeluruh, khususnya dalam konteks cabaran ekonomi, pekerjaan, perumahan, sokongan sosial dan keseimbangan tanggungjawab penjagaan.

Dapatan kajian antarabangsa *Demographic Futures Survey* oleh United Nations Population Fund (UNFPA), melibatkan lebih 100,000 responden muda berumur 18 hingga 39 tahun di 73 negara, menunjukkan bahawa keinginan untuk berkahwin dan mempunyai anak masih wujud dalam kalangan golongan muda. Namun, aspirasi ini sering tertangguh akibat kekangan ekonomi, kos sara hidup, akses perumahan, ketidaksamaan gender dan kebimbangan terhadap masa depan.

Di Malaysia, trend ini turut ditunjukkan melalui peningkatan umur purata perkahwinan bagi tempoh 2016 hingga 2024, iaitu lelaki daripada 30.0 kepada 31.2 tahun, manakala perempuan daripada 27.5 kepada 29.1 tahun. Perubahan ini memberi kesan kepada tempoh reproduktif pasangan, bilangan kelahiran dan hala tuju pembangunan keluarga negara.

Sempena dengan Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2026, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) akan menganjurkan Seminar Hasil Geran Penyelidikan 2025 pada 14 hingga 15 Julai 2026 di Auditorium Asian International Arbitration Centre (AIAC), Bangunan Sulaiman, Kuala Lumpur. Seminar ini dijangka menghimpunkan kira-kira 300 peserta terdiri daripada penggubal dasar, pegawai agensi kerajaan, ahli akademik, penyelidik, sektor swasta, pertubuhan masyarakat sivil, pelajar dan rakan strategik.

Seminar dengan kerjasama UNFPA Malaysia dan Universiti Malaya (UM) ini akan mengetengahkan 20 hasil penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan LPPKN (GP LPPKN) 2025 yang merangkumi bidang kependudukan, keluarga, kesihatan reproduktif, kesejahteraan sosial dan cabaran generasi muda. Antara pengisian utama juga termasuk Forum Kependudukan bertajuk “Membina Keluarga Masa Hadapan: Realiti, Harapan dan Perspektif Rentas Generasi”, pembentangan hasil penyelidikan, pelancaran Buku Kompilasi Hasil Geran Penyelidikan LPPKN 2025 serta *Showcase Research-to-Development (R2D)*.

Maklumat lanjut berkaitan Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2026 dan program kependudukan LPPKN boleh diperoleh melalui laman web rasmi LPPKN di www.lppkn.gov.my dan Malaysia Population Research Hub (MPRH) di <https://mprh.lppkn.gov.my/>.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
11 JULAI 2026**